

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR DR. MOHD SAZILI SHAHIBI

TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP

KARNIVAL SUKAN STAF UiTM (KARISTA) 2023

9 MAC 2023 | KHAMIS

Terima kasih saudara pengacara majlis;

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Mohd Ilham Bin Adenan

**Rektor UiTM Cawangan Pahang dan Ahli Jawatankuasa
Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Pahang**

**Yang Berbahagia Rektor-rektor dari seluruh kampus
cawangan**

Pegawai-pegawai kanan UiTM

Para Ketua Kontinjen dan atlet KARiSTA

Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

**[SALUTASI: KEMASKINI BERDASARKAN
KEHADIRAN]**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam **Majlis Penutupan Rasmi Karnival Sukan Staf UiTM (KARiSTA)** bagi tahun 2023.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada tuan rumah, UiTM Cawangan Pahang atas kesudian menjadi pelaksana kepada kejohanan kali ini. Semestinya, penganjuran kejohanan ini menuntut komitmen padu dan pengorbanan semua pihak bagi memastikan kelancaran sepanjang kejohanan ini berlangsung.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Tunjang utama penganjuran KARiSTA adalah bagi mengeratkan lagi silaturahim di antara staf dari setiap kampus cawangan. Selain itu, kejohanan ini juga merupakan sebuah wadah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan sejahtera kepada seluruh staf UiTM. Saya

percaya, dengan penganjuran kejohanan ini, ianya juga selari dengan Matlamat Pembangunan Kelestarian pada Agenda Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Yang Baik.

4. Walaupun bersifat sebuah kejohanan dan pertandingan, namun saya yakin falsafah sebenar KARiSTA yang perlu kita sama-sama hayati ialah semangat kebersamaan kita di bawah satu bumbung untuk terus mendukung perkhidmatan kita sama ada sebagai akademia, pentadbir atau pelaksana.

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

5. Saya yakin, sepanjang 7 hari yang lepas, para atlet dan pegawai dari semua kontinjen telah melakukan yang terbaik demi kejayaan pasukan masing-masing dalam edisi KARiSTA kali ini. Telah menjadi resam dalam apa jua kejohanan dan pertandingan, akan ada yang menang, dan akan ada juga yang tewas. Namun bagi saya, dalam konteks KARiSTA kali ini, kita semua sememangnya juara.

6. Justeru itu, kepada semua atlet dan pasukan yang berjaya meraih pingat, saya ingin merakamkan ucapan

setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian yang telah diraih. Manakala bagi para atlet dan pasukan yang kurang bernasib baik, saya juga ingin mengucapkan syabas kerana kalian telah memberikan saingan sengit kepada rakan-rakan yang lain.

Sidang hadirin sekalian,

7. Selain itu, kejohanan ini juga merupakan wahana dalam mencari dan menggilap bakat para atlet yang akan mewakili kontinjen UiTM Malaysia ke Kejohanan Sukan Staf Universiti (SUKUM) 2023, Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) 2023 dan Sukan Pantai Badan Berkanun (SUPANUN) 2023. Saya mendoakan mereka yang terpilih bagi mewakili kontinjen UiTM Malaysia ke kejohanan-kejohanan ini agar dapat memberi saingan terbaik bagi memartabatkan lagi nama UiTM.

8. Sebelum mengakhiri ucapan ini, setinggi-tinggi ucapan penghargaan wajar diberikan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menyumbangkan khidmat bagi menjayakan KARiSTA 2023. Ini termasuklah anggota Jawatankuasa Pelaksana, para ketua kontinjen, pengurus pasukan, jurulatih, atlet, pegawai lokasi dan tidak

dilupakan, semua sukarelawan yang bekerja keras bagi melancarkan urusan teknikal sepanjang kejohanan ini. Terima kasih kepada kalian dan kepada pasukan yang bakal berangkat pulang selepas ini, didoakan keselamatan perjalanan ke destinasi masing-masing.

9. Akhir kata, dengan harapan dan doa tersebut serta keberkatan lafaz yang 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan sukacitanya merasmikan Penutupan **KARNIVAL SUKAN STAF UITM (KARiSTA) 2023.**

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.